

**Harap tiada kaitan pemilihan parti  
Utusan Online  
December 16, 2011  
Oleh OOI CHOON JOO**

KUALA LUMPUR 15 Dis. - Presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Datuk Seri Peter Chin Fah Kui berharap insiden kebakaran di ibu pejabat parti itu kelmarin tidak mempunyai kaitan dengan pemilihan pucuk pimpinan yang diadakan baru-baru ini.

Ini kerana, menurutnya, pemeriksaan awal mendapati kebakaran itu bukan berpunca daripada litar pintas, tetapi mungkin disebabkan faktor lain.

"Saya berharap kebakaran itu bukan berpunca daripada perbuatan manusia dan tidak mempunyai kaitan dengan pemilihan parti kerana SUPP adalah sebuah parti yang sudah lama di Sarawak.

"Nasib baik kebakaran itu hanya berlaku di bilik mesyuarat dan tidak merebak ke bahagian lain seperti bilik maklumat kerana terdapat banyak maklumat penting disimpan di situ," katanya.

Fah Kui yang juga Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air itu berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan Anugerah Basiswa Tenaga Tanjong (TESA) 2011 di Hotel Maya, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif Powertek Berhad, Dr. Ong Peng Su dan Pengerusi Tanjong Energy Holdings Sdn. Bhd., Jeremy Abson.

Fah Kui menyerahkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk mengumpul maklumat tentang punca kebakaran itu dan menjalankan siasatan secara terperinci.

Sementara itu, Peng Su memberitahu, seramai 23 penuntut cemerlang dari institut pengajian tinggi awam (IPTA) menerima biasiswa TESA manakala 44 penuntut dalam senarai dekan setiap semester menerima Anugerah Buku.

"Basiswa ini merupakan salah satu inisiatif dalam tanggungjawab sosial korporat (CSR) Powertek Berhad yang dibuka kepada penuntut tempatan untuk melanjutkan pengajian ke IPTA.

"Kesemua biasiswa itu bernilai RM994,000 dan merupakan komitmen syarikat dalam memberi peluang kepada anak-anak muda untuk mencorak masa depan yang lebih cerah," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1216&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_06.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1216&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm)